

kejujuran



integriti



hormat



tanggungjawab



Gambaran Keseluruhan

Huntsman mempunyai piawaian kelakuan yang ditubuhkan untuk amalan perniagaan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Tatalaku Perniagaan kami. Garis Panduan Kelakuan Perniagaan Huntsman ini ("Garis Panduan") mencerminkan komitmen kami terhadap nilai kejujuran, integriti, hormat-menghormati dan tanggungjawab. Huntsman berharap pembekal perkhidmatan akan berkongsi dan menghayati nilai-nilai ini serta komitmen kami dalam mematuhi undang-undang.

Walaupun pembekal perkhidmatan adalah entiti bebas daripada Huntsman, amalan perniagaan dan tindakan seseorang pembekal semasa menjalankan perniagaan dengan atau bagi pihak Huntsman, mungkin memberi kesan ketara dan menjejaskan nama baik Syarikat kami. Oleh sebab ini, Huntsman meminta semua pembekal dan pekerja, ejen dan subkontraktor ("wakil") mereka untuk mengikuti piawaian etika kami yang tinggi yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan, semasa mereka menjalankan perniagaan dengan kami atau bagi pihak kami.

Ini merupakan tanggungjawab pembekal dan wakil mereka untuk memahami dan memenuhi harapan Huntsman. Pembekal harus memberitahu pihak pengurusan Huntsman sekiranya dan apabila berlaku apa jua keadaan yang menyebabkan pembekal atau wakil beroperasi dalam cara yang mungkin bercanggah dengan harapan Huntsman. Huntsman boleh meminta penyingkiran mana-mana pembekal atau wakil yang berkelakuan dalam cara yang kami anggap tidak selaras dengan Garis Panduan ini atau dengan sebarang dasar Huntsman.

Kelakuan Yang Diharapkan Daripada Pembekal dan Wakil

Ketika menjalankan perniagaan dengan atau bagi pihak Huntsman, semua pembekal atau wakil dikehendaki menjalankan interaksi perniagaan dan aktiviti mereka dengan penuh integriti dan mematuhi undang-undang dan peraturan berkuat kuasa di negara mereka masing-masing. Huntsman mengharapkan pembekal dan wakil untuk berkongsi komitmen kami dalam hak asasi manusia dan peluang yang sama rata di tempat kerja. Selain daripada kewajipan di bawah perjanjian pembekal dengan Huntsman, semua pembekal dan wakil dikehendaki mengikuti piawaian etika, termasuk kelakuan yang diharapkan dalam pematuhan kawal selia, amalan perniagaan dan penggajian. Ringkasan harapan ini disenaraikan dalam dokumen ini.

Teks lengkap Garis Panduan Tatalaku Perniagaan Huntsman boleh didapati di www.huntsman.com.

I. Amalan Pematuhan Kawal Selia yang Diharapkan

Pembekal dan wakil-wakil mereka dikehendaki untuk:

- Menjalankan perniagaan yang mematuhi undang-undang anti amanah dan persaingan adil yang mengawal bidang kuasa di mana mereka menjalankan perniagaan;
- Mematuhi undang-undang anti rasuah negara di mana mereka menjalankan perniagaan;
- Tidak membuat apa-apa bayaran secara langsung atau tidak langsung, pembayaran yang dicadangkan, memudahkan bayaran atau menawarkan sesuatu yang bernilai kepada individu lain atau seseorang yang merupakan kakitangan kerajaan atau agensi awam dengan niat untuk mempengaruhi mereka;
- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang dikuatkuasa;
- Bersikap jujur dan benar dalam perbincangan dengan wakil-wakil agensi kawal selia dan pegawai-pegawai kerajaan;
- Mematuhi semua undang-undang kawalan perdagangan yang dikenakan yang berkenaan dengan beberapa aspek operasi Huntsman; dan
- Tidak mengenakan keperluan pemuluan tidak wajar terhadap Huntsman.

II. Amalan Perniagaan yang Diharapkan

Pembekal dan wakil-wakil mereka dikehendaki untuk:

- Merekod dan melapor secara jujur dan tepat semua maklumat perniagaan dan mematuhi semua undang-undang yang dikenakan mengenai penyediaan dan ketepatan.
- Mematuhi hak pemilikan harta intelektual Huntsman dan lain-lain yang termasuk tetapi tidak terhad kepada paten, cap dagangan serta rahsia dagangan dan penggunaan perisian, perkakasan dan kandungan sahaja menurut lesen atau terma penggunaan yang berkaitan;

- Menjaga dan menggunakan harta fizikal dan intelektual Huntsman dengan bertanggungjawab;
 - Menggunakan aset tersebut hanya apabila diberi kuasa oleh Huntsman untuk berbuat demikian;
 - Menggunakan teknologi maklumat dan sistem (termasuk emel) yang disediakan oleh Huntsman, terutamanya untuk tujuan berkaitan dengan perniagaan Huntsman dan menurut dasar Huntsman;
 - Dasar Huntsman melarang pembekal dan wakil-wakil daripada menggunakan aset, teknologi atau sistem yang disediakan oleh Huntsman untuk menghasilkan, mengakses, menyimpan, mencetak, meminta atau menghantar apa-apa bahan yang mengganggu, kesat, membezakan, berunsur ganas, mengancam atau tidak sesuai atau menyalahi undang-undang;
- Mematuhi keperluan Huntsman dalam penyelenggaraan kata laluan, kerahsiaan, keselamatan dan mengikuti prosedur privasi sebagai syarat untuk menerima akses kepada rangkaian dalaman korporat, sistem dan bangunan Huntsman;
- Membuat pertimbangan yang wajar dan sederhana apabila menawarkan hadiah atau hiburan kepada sekutu Huntsman;
 - Secara umumnya, pembekal dan wakil-wakil harus mengelakkan daripada memberi sekutu Huntsman hadiah individu yang bernilai lebih daripada USD50 atau gabungan hadiah yang bernilai lebih daripada USD125 dalam tempoh masa 12 bulan yang lalu;
 - Pembekal dan wakil-wakil tidak harus menawarkan rasuah, sogokan atau pertukaran barangan untuk barangan atau perkhidmatan atau sebarang insentif lain kepada sekutu Huntsman dalam usaha mendapatkan atau mengekalkan perniagaan Huntsman;
 - Apa jua hadiah atau hiburan yang diberi dan diterima harus mematuhi undang-undang dan tidak menyalahi dasar Huntsman;
- Elakkan konflik kepentingan yang sebenar atau kelihatan seperti konflik kepentingan.
 - Pembekal dan wakil-wakil tidak harus berurusan secara langsung semasa perundingan atau sebaliknya dengan mana-mana sekutu Huntsman yang mana suami atau isteri atau ahli keluarga lain adalah pekerja atau mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan dalam pembekal atau perniagaan pembekal;
- Elakkan perdagangan dalaman dengan membeli atau menjual saham Huntsman atau syarikat lain apabila memiliki maklumat tentang Huntsman atau syarikat lain yang tidak tersedia kepada orang awam yang melabur dan boleh mempengaruhi keputusan pelabur untuk membeli atau menjual saham; dan
- Menghasil, menyimpan dan melupuskan rekod perniagaan dengan mematuhi semua keperluan undang-undang dan kawal selia.

III. Amalan Penggajian yang Diharapkan

Pembekal dan wakil-wakil mereka dikehendaki untuk:

- Bekerjasama dengan komitmen Huntsman untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada gangguan seksual atau lain-lain gangguan dan diskriminasi;
- Menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta mematuhi semua undang-undang, peraturan dan amalan keselamatan dan kesihatan;
- Melarang penggunaan, pemilikan, pengedaran dan penjualan dadah haram ketika berada di harta yang dimiliki atau disewa oleh Huntsman;
- Menggunakan buruh sukarela sahaja; buruh paksa, sama ada buruh dalam perjanjian terikat atau sebaliknya, adalah dilarang sama sekali;
- Mematuhi semua undang-undang tempatan dan keperluan mengenai gaji, masa kerja dan umur minimum pekerja; penggunaan buruh kanak-kanak adalah dilarang sama sekali; dan
- Mengekalkan rekod pekerja menurut peraturan tempatan dan nasional.

Melaporkan Kebimbangan dan Meminta Bantuan

Sekiranya seseorang pembekal atau wakil mempunyai persoalan tentang keadaan tertentu, atau keperluan untuk melaporkan suatu masalah atau kebimbangan, mereka digalakkan untuk bekerjasama dengan orang hubungan utama Huntsman mereka dalam menyelesaikan amalan perniagaan atau kebimbangan pematuhan. Namun, Huntsman menyedari bahawa ada masanya hal ini mustahil atau tidak wajar. Dalam keadaan begini, pembekal atau wakil boleh:

- Menghubungi Jabatan Pematuhan Etika dan Korporat Huntsman di +1.281.719.6000.
- Menghubungi talian bantuan Speak Up, yang boleh didapati di www.huntsman.com/speakup, atau,
- Menghantar emel kepada Jabatan Pematuhan Etika dan Korporat Huntsman di ethics@huntsman.com.

Huntsman tidak akan bertoleransi dengan tindakan balas terhadap orang lain. Tiada sesiapa yang melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang atau dasar yang disyaki dengan niat baik akan dikenakan tindakan balas kerana membuat laporan tersebut. Niat baik bermakna individu yang tampil ke hadapan dengan semua maklumat dipercayai bahawa dia memberi laporan yang ikhlas, jujur dan lengkap.

HUNTSMAN

Enriching lives through innovation

Global headquarters

Huntsman Corporation
10003 Woodloch Forest Drive
The Woodlands
Texas 77380
USA
Telephone +1 281 719 6000
Fax +1 281 719 6416

www.huntsman.com

Copyright © 2017 Huntsman Corporation
or an affiliate thereof. All rights reserved.

The use of the symbol ® herein signifies the
registration of the associated trademark in
one or more, but not all, countries.